

**DI DALAM MAHKAMAH TINGGI SYARIAH TERENGGANU
DI KUALA TERENGGANU
DI NEGERI TERENGGANU**

**DALAM PERKARA PERMOHONAN
PENGANTUNGAN PELAKSANAAN PERINTAH**

KES JENAYAH NO: _____

ANTARA

**AAA BIN BBB
KP: 123456**

PEMOHON

DENGAN

**KETUA PENDAKWA SYARIE
NEGERI TERENGGANU**

PENENTANG RAYUAN

**DI DALAM MAHKAMAH RENDAH SYARIAH
DAERAH KUALA TERENGGANU
DI KUALA TERENGGANU
DI NEGERI TERENGGANU**

KES JENAYAH NO: _____

ANTARA

**PENDAKWA SYARIE
RAYUAN
JABATAN HAL EHWAL AGAMA ISLAM TERENGGANU**

PENENTANG

DENGAN

**AAA BIN BBB
KP: 123456**

PEMOHON

NOTIS PERMOHONAN

AMBIL PERHATIAN bahawa Pemohon yang dinamakan di atas bercadang untuk memohon kepada Mahkamah Tinggi Syariah Kuala Terengganu pada.....haribulan....., jam.....pagi/ petang untuk mendapatkan satu perintah bahawa :

- 1) Pemohon dibenarkan untuk dilepaskan dengan jaminan sementara menunggu rayuan ini selesai dengan alasan bahawa sekiranya Pemohon tidak diberikan jaminan dan penggantungan pelaksanaan hukuman, maka ianya akan memprejudiskan Pemohon (*irreparable damage*) sekiranya rayuan ini diterima kelak;
- 2) Pemohon dibenarkan untuk diikat jamin dengan bayaran atau penjamin sementara menunggu keputusan rayuan diputuskan oleh Mahkamah Tinggi Syariah di Kuala Terengganu dan apa jua perintah lain yang difikirkan wajar dan patut oleh Mahkamah Yang Mulia ini.

Alasan-alasan bagi permohonan ini adalah seperti berikut :

- (a) Sekiranya permohonan ini tidak dibenarkan, ia akan memprejudiskan Pemohon dan Pemohon mungkin terpaksa menghabiskan suatu tempoh yang lama di dalam Penjara sebelum kes rayuan Pemohon dapat didenga rdan diputuskan oleh Mahkamah yang Mulia ini.
- (b) Alasan-alasan yang selanjutnya berkaitan sebagaimana yang telah dinyatakan oleh Pemohon di dalam affidavit sokongan yang telah diikrarkan oleh **AAA BIN BBB, KP:123456**, Perayu di dalam kes ini yang difailkan bersama-sama ini untuk menyokong permohonan ini.

.....
Pemohon / Peguam Syarie Pemohon

Bertarikh haribulan .

Kepada :

1. Penolong Pendaftar,
Mahkamah Mahkamah Rendah Syariah
Kuala Terengganu.
2. Pendaftar
Mahkamah Tinggi Syariah Terengganu.
3. Ketua Pendakwa Syarie,
Jabatan Hal Ehwal Agama Islam Terengganu,
Kompleks Seri Iman,
Jalan Sultan Mohamad,
20676 Kuala Terengganu, Terengganu.

**DI DALAM MAHKAMAH TINGGI SYARIAH TERENGGANU
DI KUALA TERENGGANU
DI NEGERI TERENGGANU**

**DALAM PERKARA PERMOHONAN
PENGGANTUNGAN PELAKSANAAN PERINTAH**

KES JENAYAH NO: _____

ANTARA

**AAA BIN BBB
KP: 123456**

PEMOHON

DENGAN

**KETUA PENDAKWA SYARIE
NEGERI TERENGGANU**

PENENTANG RAYUAN

**DI DALAM MAHKAMAH RENDAH SYARIAH
DAERAH KUALA TERENGGANU
DI KUALA TERENGGANU
DI NEGERI TERENGGANU**

KES JENAYAH NO: _____

ANTARA

**PENDAKWA SYARIE
JABATAN HAL EHWAL AGAMA ISLAM TERENGGANU**

PENENTANG RAYUAN

DENGAN

**AAA BIN BBB
KP: 123456**

PEMOHON

AFIDAVIT SOKONGAN

Saya, AAA BIN BBB, KP: 1233456 adalah seorang warganegara Malaysia yang telah cukup umur yang beralamat penyampaian di 123-A, Taman Melati, 20000 Kuala Terengganu sesungguhnya bersumpah dan menyatakan seperti berikut:

1. Saya adalah Pemohon di dalam kes ini dan mempunyai kuasa yang penuh untuk mengikrarkan affidavit ini.
2. Saya juga memperakui bahawa segala fakta yang dinyatakan di dalam affidavit ini adalah benar dan adalah di dalam pengetahuan saya sendiri melainkan apa-apa yang dinyatakan sebaliknya.
3. Saya sesungguhnya menyatakan bahawa salah telah membuat pengakuan bersalah di dalam Dewan 1, Mahkamah Rendah Syariah Daerah Kuala Terengganu pada hari ini 20 Julai atas sabitan kesalahan di bawah seksyen 31 (a) Enakmen Kesalahan Jenayah Syariah (Takzir) 2001 dan telah disabitkan hukuman denda RM 2900.00 dan satu (1) bulan penjara atau satu (1) bulan tambahan penjara jika gagal membayar denda.
4. Saya amat terkejut apabila menerima hukuman tersebut terutama yang melibatkan hukuman penjara kerana hukuman pemenjaraan akan menjejaskan masa depan saya. Untuk makluman Mahkamah, saya sekarang bekerja sebagai seorang Eksekutif Pemasaran dan merupakan seorang pekerja yang cemerlang dan baharu sahaja dinaikkan pangkat. Di samping itu, di kalangan ahli keluarga hanya saya seorang sahaja yang bekerja tetap dan saya menanggung perbelanjaan menguruskan keluarga dan menyara adik-beradik yang lain. Justeru itu, saya perlu membuat permohonan ini untuk merayu hukuman penjara yang telah diputuskan ke atas saya.
5. Sehubungan dengan itu, sementara menunggu rayuan tersebut diputuskan, saya dengan ini memohon kepada Mahkamah yang Mulia supaya pelaksanaan hukuman keatas saya dapat ditangguhkan sementara menunggu rayuan di Mahkamah Tinggi Syariah selesai dengan satu amaun jaminan baru dan penjamin yang munasabah mengikut budi bicara Mahkamah. Saya juga mengaku janji untuk mematuhi segala syarat-syarat yang akan diperintahkan oleh Mahkamah bagi menjamin kehadiran saya ke Mahkamah kelak.

Berdasarkan alasan-alasan yang dinyakan di atas, saya dengan rendah diri memohon kepada Mahkamah yang Mulia ini agar dapat membenarkan permohonan ini sebagaimana yang dipohon.

Diangkat sumpah pada.....
Haribulan.....
di Mahkamah Syariah Terengganu
oleh Pemohon.

.....
Tandatangan

Di hadapan saya,

.....
Hakim / Pendaftar